



# **ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG BULANAN**

**JABATAN KEWANGAN DAN  
PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA**

## **Objektif**

---

1. Mengiktiraf dan menghargai pegawai dan kakitangan Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka (JKPNM) yang telah mencapai tahap kecemerlangan;
2. Menggalakkan persaingan sihat di kalangan warga kerja JKPNM untuk meningkatkan prestasi kerja dan disiplin; dan
3. Sebagai suntikan semangat kepada warga JKPNM untuk terus berkhidmat dengan lebih baik sekaligus membantu Jabatan merealisasikan penyampaian Kerajaan yang lebih cemerlang.

## **Bentuk Anugerah**

---

Penerima akan dianugerahkan:

- i. Sijil Simpanan Premium (BSN) bernilai RM 300.00
- ii. Sijil Anugerah Pekerja Cemerlang Bulanan yang ditandatangani oleh YB Pegawai Kewangan Negeri Melaka dan akan disampaikan pada majlis anjuran Jabatan.

## **Kaedah Pemilihan**

---

1. Pemilihan calon APC Bulanan dibuat oleh warga JKPNM melalui sistem eAPC di laman sesawang JKPNM dan hanya seorang calon sahaja yang layak dicalonkan setiap pada bulan; dan

2. Nama calon akan disenarai pendek dibawa ke Mesyuarat Pemutus bersama pihak pengurusan dan ketua unit bagi pemilihan calon yang layak dianugerahkan pada bulan berkenaan.

### **Syarat Pemilihan / Kriteria Pemilihan**

---

1. Jumlah undian mestilah melebihi 20 bagi melayakkan nama-nama calon yang tersenarai di bawa ke Mesyuarat Pemutus;
2. Sekiranya jumlah undian adalah kurang daripada 20, maka secara automatik tiada penerima APC Bulanan bagi bulan tersebut;
3. Pegawai yang tercalon mestilah mempunyai rekod kehadiran yang baik iaitu tanpa kehadiran lewat bagi tempoh tiga (3) bulan berturut-turut. Walaubagaimanapun, sekiranya terdapat kelewatan yang diperakukan oleh Ketua Bahagian/ Ketua Unit, pegawai tersebut perlu menggantikan waktu bekerja dalam bulan yang sama dengan jumlah tempoh kelewatan tersebut.
4. Pegawai yang pernah menerima APC Bulanan pada tahun sama dan dicalonkan semula maka disyorkan tiada pemberian SSP (BSN), sebaliknya pegawai akan dihantar mengikuti kursus berbayar yang akan ditanggung sepenuhnya oleh Jabatan.
5. Pemilihan tidak akan dipertimbangkan kepada pegawai yang mengambil cuti panjang, cuti bersalin dan cuti sakit yang berpanjangan dan kerap.
6. Sekiranya calon didapati tidak mengundi, calon tersebut tidak akan dipertimbangkan untuk menerima anugerah pada bulan tersebut.

